

## BAB III

ANALISIS PENGGUNAAN *MAŞLAHAH*  
DALAM FATWA YANG DIKELUARKAN  
OLEH MAJLIS FATWA KEBANGSAAN  
MALAYSIA

### **3.1 PENDAHULUAN**

Di dalam perlaksanaan hukum-hukum yang terdapat dalam syariat Islam itu terdapat matlamat dan maksud tertentu yang dapat dikenal pasti dan difahami oleh akal manusia secara logik di sebalik perlaksanaan hukuman tersebut dan ada yang semata-mata ta'at kepada perintah Allah s.w.t.

Pada bab ini, penulis akan mempersembahkan beberapa analisa yang telah dilakukan dengan tujuan mendalamai dan menyelusuri sejauh mana prinsip dan garis panduan penggunaan *maṣlaḥah* diamalkan dan ditaati di dalam amalan fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan. Berpandukan kepada penjelasan melalui bab pertama dan bab kedua, penulis akan cuba memastikan sama ada prinsip-prinsip yang telah digariskan oleh para ulamak diikuti dan dipatuhi serta memastikan adakah semangat *maṣlaḥah* itu menepati kehendak syarak atau sebaliknya.

Format analisa yang cuba diketengahkan oleh penulis adalah berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan dan seterusnya akan dibentuk perangkaan-perangkaan berjadual yang akan menunjukkan unjuran kasar sejauh mana penggunaan *maṣlaḥah* ini. Penulis akan cuba sedaya usahanya untuk menghuraikan serta menerangkan status fatwa yang dikeluarkan dan sekaligus akan menjelaskan persoalan-persoalan berkaitan *maṣlaḥah* sebagaimana yang telah digariskan di awal kajian. Dari hasil analisa ini nanti, penulis akan cuba menggariskan beberapa kesimpulan berpandukan kepada penganalisaan data yang telah dibuat.

Di peringkat kebangsaan ini, Majlis Fatwa Kebangsaan akan bersidang apabila ia didapati perlu oleh Majlis Raja-raja. Jawatankuasa ini berperanan untuk menimbang, memutuskan dan mengeluarkan fatwa bagi sebarang perkara berkaitan agama Islam yang dirujuk kepadanya oleh majlis Raja-raja. Jawatankuasa fatwa ini sebenarnya amat jarang bersidang, sebaliknya *muzākarah* ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan lebih kerap diadakan dan ia tidak terikat dengan prosedur Jawatankuasa Fatwa. Bagaimana pun, fatwa jawatankuasa ini tidak bersifat mengikat negeri-negeri yang menjadi anggota. Pada kebiasaannya keputusan itu akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Syarak atau Perunding – Syarak negeri untuk tindakan lanjutan<sup>1</sup>.

Secara mudahnya, apabila diteliti dari fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa ini, dapatlah dikategorikan kepada dua bahagian:

i. Fatwa rasmi:

Fatwa yang dikeluarkan berdasarkan permintaan oleh Majlis Raja-raja

ii. Fatwa tidak rasmi:

Fatwa yang dikeluarkan berdasarkan kepada permintaan dari masyarakat atau individu-individu tertentu.

Berdasarkan kepada konteks Malaysia hari ini, keperluan kepada fatwa adalah disebabkan oleh timbulnya permasalahan baru yang tidak ada penjelasan hukum di dalam kitab-kitab fiqh. Faktor keperluan fatwa ini kadangkala

---

<sup>1</sup> Haji Awang Mat Ali, Pegawai Bahagian Keurusetiaan dan Perhubungan Antarabangsa, Hari Khamis, 7 Mac 2002, jam 10a.m, Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

disebabkan kesamaran terhadap dalil-dalil yang sedia ada dan juga disebabkan oleh masalah yang berkaitan dengan politik semasa<sup>2</sup>.

Berpandukan kepada muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan keputusan hukum yang dikeluarkan, penulis telah memecahkannya kepada beberapa aspek yang mempengaruhi penentuan fatwa atau keputusan hukum yang dilakukan berpandukan kaedah-kaedah penggunaan maṣlahah yang telah digariskan oleh ulamak-ulamak Islam.

Justifikasi kepada aspek-aspek yang mendasari keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan adalah seperti berikut;

- i. Maṣlahah kontemporari yang masih belum ada penetapan hukum secara bertulis atau tidak secara bertulis di Malaysia

Aspek ini bermaksud, persoalan yang diajukan kepada Jawatankuasa Fatwa yang setakat ini belum ada sebarang keputusan syarak mengenainya di Malaysia. Sebagai contohnya dalam kes Pertukaran status jantina dari lelaki kepada wanita atau wanita kepada lelaki

( Muzakarah fatwa pada 28 hingga 29 Januari 1981) (*Lihat lampiran B*)

- ii. Maṣlahah kontemporari yang berfungsi memastikan kepentingan manusia.

---

<sup>2</sup> Dr. Othman Haji Ishak (1981M), *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 89.

*Maslahah* di dalam aspek ini bermaksud; Bagi memastikan lima ciri penting yang perlu dijaga dalam diri manusia iaitu: Agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Contohnya Penggunaan kompenan gelatin di dalam ubat-ubatan

( Muzakarah fatwa pada 21 hingga 25 September 1984 ) (*Lihat lampiran C*)

- iii. *Maslahah* kontemporari yang bersandarkan kepada konsep mengambil kebaikan dan menghindarkan kemudaratan

Aspek ini bermaksud, Kes-kes baru yang dikenal pasti boleh mendatangkan kebaikan kepada masyarakat Malaysia dan dalam masa yang sama kemudaratan dialami dapat dihindarkan. Contohnya Pemindahan organ manusia kepada manusia yang lain

( Muzakarah fatwa pada 1 hingga 2 Oktober 1970 ) (*Lihat lampiran D*)

- iv. *Maslahah* kontemporari yang melibatkan masyarakat secara keseluruhannya dan tidak terbatas kepada perseorangan sahaja

Aspek ini bermaksud, Kes-kes yang dikenal pasti membawa kebaikan kepada semua individu yang berada dalam masyarakat. Contoh: Pengambilan Imunisasi Hepatitis B

( Muzakarah fatwa pada 24 November 1988 ) (*Lihat lampiran E*)

- v. *Maslahah* kontemporari yang tersendiri yang tidak dapat dipastikan nas-nasnya sama ada dari al-Qur'an, Sunnah, Ijma' dan Qiyās.


Aspek ini bermaksud, Kes-kes yang tidak ada mana-mana pandangan madhhab yang boleh dianggap masyhur dan praktikal untuk diguna pakai di Malaysia. Contohnya Aktiviti penternakan haiwan dua alam.

( Muzakarah fatwa pada 7 hingga 8 Mac 1990 ) (*Lihat lampiran F*)

### 3.2 PENGUNAAN *MAŞLAHAH* BERPANDUKAN KATEGORI DAN *RELEVEN* NYA MENGIKUT KEHENDAK SYARAK

Setelah melalui beberapa proses pengamatan terhadap fatwa yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, penulis telah mengklasifikasikan fatwa-fatwa yang dikeluarkan kepada beberapa kategori bagi memudahkan proses mengenalpasti kadar penggunaan fatwa berdasarkan kepada prinsip-prinsip *maşlahah*. Penulis telah melakukan analisa terhadap fatwa-fatwa yang dikeluarkan sejak 1970 hingga 1990, kemudian akan disusuli dengan ulasan di atas analisa yang dilakukan berpandukan kepada unjuran yang ditunjukkan melalui geraf.

Rajah 3.1: (Kekerapan Penggunaan *Maşlahah* dalam Fatwa)




Berdasarkan kepada graf kekerapan penggunaan *maṣlahah* berpandukan kepada 123 fatwa yang dianalisa, penulis mendapati ada sebanyak 41 keputusan fatwa telah dikeluarkan berdasarkan kepada prinsip maṣlahah. Kelihatan di sana, di dalam kes-kes yang melibatkan Sosial/Ehwal Semasa manusia ada sebanyak 17 prinsip maṣlahah digunakan pakai, kemudian diikuti kes-kes perubatan sebanyak tujuh kali, kes-kes ibadat enam kali, kes-kes yang berhubung dengan perkahwinan sebanyak 3 kali, dalam kes pakaian terdapat dua penggunaan dan akhirnya kes yang dihubungkan dengan kewangan dan zakat masing-masing satu kali.

### 3.3 KEKERAPAN PENGGUNAAN *MAṢLAHAH*

Bagi menghalusi penggunaan prinsip-prinsip *maṣlahah* dalam fatwa ini, penulis telah menyenaraikan kekerapan penggunaannya berdasarkan tahun berpandukan kepada graf garisan bagi mengenalpastikan penggunaan terbanyak.

Rajah 3.2: (Kekerapan Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Fatwa Berdasarkan Tahun)



Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Graf 2 adalah satu gambaran tentang perbezaan kekerapan penggunaan maṣlaḥah berdasarkan tahun. Kelihatan seakan ada musim atau period tertentu yang menentukan keputusan-keputusan terhadap isu yang dimuzakarahkan oleh Jawatankuasa Fatwa dalam tahun tersebut. Apabila penggunaan prinsip-prinsip maṣlaḥah serasi dan selari dengan isu yang dibangkitkan maka prinsip ini akan menjadi pilihan. Sebaliknya, apabila isu yang dimuzakarahkan dalam sesuatu tahun lebih cenderung untuk menggunakan kaedah-kaedah yang lain seperti *al-qiyās*, maka kuranglah penggunaan prinsip *maṣlaḥah*.

Jadual 3.1 : (Keputusan Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1982)

Bil	Keputusan Fatwa	Keputusan	Maṣlaḥah
1	Pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan	Haram	✓
2	Bayi Tabung Uji	Harus	✓
3	Kesabitan Nasab dan Penafian dalam Islam	Haram	✗
4	Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	Harus	✗
5	Penyelarasan lafaz ta'liq	Harus	✓
6	Azan Melalui Pembesar Suara	Harus	✓
7	Projek Membuat Pakaian Anak Patung	Harus	✓

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Berpandukan kepada tujuh keputusan yang telah dikeluarkan pada tahun tersebut, didapati bahawa lima antaranya berpandukan kepada prinsip-prinsip

maṣlahah. Panduan terhadap penggunaannya ditentukan melalui tanda (✓) manakala tanda (✗) iaitu keputusan tiga dan empat yang telah diputuskan dengan prinsip selain maṣlahah. Pada kelima-lima kes yang menggunakan prinsip maṣlahah yang pernah dimuzakarahkan itu, empat kes daripadanya diputuskan oleh ahli muzakarah majlis fatwa sebagai harus dan selebihnya adalah haram. Penetapan hukuman harus itu pula mestilah mengikut garis panduan yang digariskan oleh syarak. Di dalam kes bayi tabung uji umpamanya, dari hasil perbincangan yang panjang lebar oleh para ilmuan Islam termasuk pandangan *Fadilah al-Syeikh* 'Abd al-Latif, Mufti Republik Arab Mesir pada ketika itu memutuskan bahawa keharusannya mestilah mengikut garis panduan yang ditetapkan iaitu:<sup>3</sup>

- a) Benih yang dicantumkan adalah dari benih pasangan suami isteri yang sah pernikahan mereka mengikut syarak dan tidak dicampurkan dengan benih orang lain dari awal pemerosesan hingga lahir bayi tersebut.
- b) Percantuman benih hendaklah dilakukan secara “terhormat”. Bermaksud; setelah percantuman benih suami isteri yang sah di dalam tabung uji itu melalui tahap kesuburannya, hendaklah benih tersebut dipindahkan ke dalam rahim isteri yang sah dan bukan ke rahim wanita lain

Di dalam kes pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan yang telah diputuskan haram oleh ahli muzakarah juga telah menempuh perbincangan yang panjang lebar. Meskipun kajian rapi dilakukan oleh pakar-pakar perubatan

---

<sup>3</sup> Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. 189

dan pakar-pakar ilmu jiwa dari segi fizikal dan mental terhadap seseorang yang memohon untuk menukar jantina, namun para ilmuan Islam Malaysia menganggap pertukaran itu tetap tidak mampu menjadikan seseorang itu benar-benar perempuan yang mempunyai sifat-sifat keperempuanan. Penukaran jantina itu juga tidaklah terhenti sekadar memenuhikehendak orang yang ingin menukar jantinanya, akan tetapi harus dihalusi segi akibat dari penukaran tersebut. Akibat yang perlu diambil kira ialah<sup>4</sup>:

- i. Persoal penderitaan yang ditanggung akibat pembedahan
- ii. Persoalan Perkahwinan
- iii. Persoalan pembahagian harta
- iv. Persoalan pelaksanaan ibadah
- v. Persoalan kematian

Oleh sebab itu, Islam menganggap pertukaran jantina ini adalah haram. Bagi seseorang yang dilahirkan lelaki, hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya menukar jantinanya melalui pembedahan dan begitu juga hal sebaliknya.

**Jadual 3.2 : (Keputusan Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1987)**

Bil	Keputusan Fatwa	Keputusan	<i>Maslahah</i>
1	Zakat ke atas Majlis Amanah Raya	Tidak Wajib	✗
2	Panduan Doa' Dalam Majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Angkatan Tentera	Harus	✓

<sup>4</sup>**Muzakarah Semakan Fatwa Kebangsaan (1)**, Kuala Lumpur: Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysi, hlm. 101-102.

3	Pemeliharaan Babi Untuk Kajian	Harus	<b>X</b>
4	Hukum Ternak Binatang Dua Alam	Haram	<b>X</b>
5	Pakaian Lilitan Hitam di Kalangan Umat Islam	Haram	<b>X</b>
6	Minuman Guiness Malta	Haram	<b>X</b>

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Hasil penganalisaan bagi keputusan Jawatankuasa Fatwa pada tahun 1987 pula, menunjukkan kepada penurunan jumlah keputusan Majlis Fatwa yang bersandarkan kepada *maṣlaḥah* sehingga ke paras yang terendah iaitu hanya satu keputusan sahaja dikeluarkan berdasarkan *maṣlaḥah*.

Penurunan kadar penggunaan prinsip *maṣlaḥah* dalam penentuan hukum ini adalah kerana perbincangan di dalam *muzakarah* ahli Majlis Fatwa Kebangsaan lebih tertumpu kepada persoalan-soalan yang mempunyai sändaran nas atau menepati syarat-syarat yang telah digariskan oleh syarak. Pengamatan ini dapat ditumpukan kepada kes yang telah dibincangkan oleh *muzakarah* Majlis Fatwa Kebangsaan tentang kedudukan kewangan serta perniagaan yang dimiliki oleh pihak Majlis Amanah Raya (MARA), adakah perlu dizakatkan. Perbincangan ahli *muzakarah* Majlis Fatwa Kebangsaan telah menumpukan kepada soal status Majlis Amanah Raya (MARA) yang merupakan badan berkanun kerajaan yang bertanggungjawab memaju, menggerak, memberi kemudahan dan mengambil peranan dalam pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat. Biarpun, pada prinsipnya segala bentuk perniagaan, wang simpanan, saham dan seumpamanya adalah diwajibkan zakat, namun di dalam kes ini Majlis Amanah Raya (MARA)

tidak dianggap sebagai pemilik penuh terhadap harta tersebut kerana (MARA) adalah sebuah badan milik kerajaan. Sedangkan syarat bagi pengambilan harta untuk tujuan zakat menurut syariat Islam itu mestilah milik sempurna.

*Maslahah*, seperti yang telah dibincang dengan panjang lebar di dalam bab pertama, akan tidak diraikan pengamalannya sekiranya terdapat nas-nas jelas melalui *al-Qur'an* atau *al-Hadīth*. Fenomena ini jelas dapat diperhatikan melalui kes pakaian lilitan hitam di kalangan umat Islam. Walaupun pengamalannya dianggap membantu untuk melahirkan perpaduan dan kesetiakawanan, terutama bagi ahli-ahli yang terdiri dari pekerja-pekerja berbilang kaum dan ugama, namun syariat Islam melarang dari melakukan perbuatan tersebut dan Islam sendiri ada menampilkkan imej tersendiri dengan melarang sebarang amalan atau tindakan yang boleh mencemarkan kesucian Islam atau yang boleh mengancam pegangan aqidah seseorang muslim.

Firman Allah swt:

وَمَا أَنْكِمُ الْرَّسُولُ فِي خَدْنَوْهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَإِنْتُهُوا

Terjemahannya:

“ Dan apa jua suruhan -yang di bawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya”

Surah al-Hasyr (59) : 7

### **3.4 PENGKELASAN PENGGUNAAN *MAŞLAHAH* DAN PENGAMALANNYA MENGIKUT SYARAK**

Pengkelasan terhadap fatwa yang dikeluarkan berdasarkan kepada bidang tertentu adalah penting bagi menghasilkan satu keputusan analisa yang tepat dan menyeluruh. Langkah yang telah diambil oleh penulis ialah mengkelaskan fatwa kepada beberapa kategori berpandukan kepada senarai kes yang telah didokumentasikan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kategori fatwa yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- a) Kategori Aqidah
- b) Kategori Ibadah
- c) Kategori Zakat
- d) Kategori Perkahwinan
- e) Kategori Ekonomi Dan Kewangan
- f) Kategori Perubatan
- g) Kategori Makanan Dan Minuman
- h) Kategori Pakaian
- i) Kategori Binatang
- j) Kategori Sosial/Ehwal Semasa

Berpandukan kepada sepuluh pengkategorian kes di atas, hanya tujuh kes sahaja yang dikenalpasti menggunakan prinsip *maşlahah* sebagai dasar penentuan hukum. Kategori kes yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

- a) Kategori Ibadat
- b) Kategori Perkahwinan
- c) Kategori Sosial/Ehwal Semasa
- d) Kategori Ekonomi Dan Kewangan
- e) Kategori Pakaian
- f) Kategori Perubatan
- g) Kategori Zakat

Tinjauan yang telah dilakukan secara keseluruhannya terhadap penggunaan maṣlaḥah dalam fatwa yang telah diputuskan menampakkan perbezaan ketara terhadap kekerapannya berdasarkan kepada pengkategorian di atas.

Di bawah ini, penulis telah menjadualkan ketujuh-tujuh kategori yang dikenalpasti menggunakan prinsip maṣlaḥah tersebut, dan dalam masa yang sama telah mencartakan keputusan yang telah dibuat bagi memastikan sejauh mana prinsip ini memainkan peranannya.

**Jadual 3.3 : (Penggunaan Prinsip *Maṣlaḥah* Mengikut Kategori Dari Tahun 1970-90)**

Bil	Kategori Fatwa	Keputusan Fatwa	Penggunaan <i>Maṣlaḥah</i>
1	Ibadat	23	6 (26.1%)
2	Perkahwinan	11	3 (27.21%)
3	Sosial/Ehwal Semasa	24	17 (70.8%)

4	Ekonomi Dan Kewangan	3	1 (30.33 %)
5	Pakaian	4	1 (25%)
6	Perubatan	7	7 (100.0%)
7	Zakat	4	1 (25.0%)

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Semenjak tahun 1970 sehingga tahun 1990 kelihatan di sana semacam satu kemestian pengamalan prinsip *maṣlaḥah* dalam penentuan fatwa. Dalam kategori perubatan umpamanya, seolah-olah tidak ada sandaran keputusan fatwa melainkan melalui *maṣlaḥah*. Kekerapan melalui kategori ini nampak jelas sehingga dalam kategori perubatan, prinsip ini berfungsi seratus peratus. Penulis mendapati catatan kadar peratusan tertinggi dalam kategori perubatan berbanding enam kategori yang lain adalah terdorong oleh fenomena baru perubatan semasa yang sering berkembang serta penemuan kaedah-kaedah terkini rawatan, susulan dari kajian berterusan mengenainya.

Apabila perbandingan dilihat dari sudut majoriti penggunaan pula, tidak dinafikan bahawa kategori Sosial/Ehwal Semasa mengambil tempat teratas dalam kedudukan penggunaan *maṣlaḥah* dengan 11 keputusan dicatatkan berbanding penggunaannya dalam kategori yang lain. Catatan bilangan keputusan berdasarkan kepada kategori ini adalah suatu bayangan terhadap situasi masyarakat yang sering berhadapan dengan isu-isu baru yang tiada sandaran hukum tertentu melainkan *maṣlaḥah*.

Bagi mengenal pasti disiplin penggunaan *maṣlaḥah* dipatuhi dalam setiap keputusan fatwa, penulis merasakan ada baiknya ketujuh-tujuh kategori fatwa yang melibatkan prinsip *maṣlaḥah* sebagai dasar keputusan dianalisa dengan memperincikan kepada salah satu kes daripada setiap kategori sebagai ulasan.

### 3.4.1 Kategori Ibadat

Ibadat adalah satu tuntutan yang mesti dilakukan oleh setiap hamba yang beriman kepada Allah swt. Keterangan mengenai perintah ini jelas terdapat di dalam *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* yang tidak mungkin dapat diubah atau dipinda oleh manusia. Andai di sana ada campurtangan manusia di dalam ketetapan tuhan ini, di samping mengubah ketetapan Allah swt. ia juga akan mewujudkan perbezaan cara beribadat, dan secara tidak langsung akan menyumbang kepada hilang kesatuan umat Islam. Dari itu, setiap kes yang melibatkan ibadat ini akan dipastikan hanya pada urusan yang kecil sahaja boleh difatwakan berdasarkan kepada prinsip *maṣlaḥah*.

Analisa terhadap kategori ini mendapati bahawa semenjak tahun 1970 sehingga 1990 ada sebanyak 23 keputusan telah dikeluarkan, dan daripada jumlah tersebut hanya enam keputusan sahaja yang menggunakan prinsip *maṣlaḥah* iaitu:

**Jadual 3.4 : (Penggunaan *Maṣlaḥah* Dalam Ibadah)**

Bil	Keputusan Mengikut Prinsip <i>Maṣlaḥah</i>	Hukum
I	Azan melalui pembesar suara	Harus

2	Panduan doa bagi majlis rasmi dan separuh rasmi	Harus
3	Penetapan anak bulan Ramadhan dan awal Syawal	Harus
4	Garis panduan pantang larang kepada orang bukan Islam dalam hubungan dengan masyarakat Islam	Harus
5	Sembahyang jumaat banduan	Harus
6	Solat Jumaat Polis dan Tentera yang bertugas	Harus

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Bagi membincangkan pengamalan *maṣlaḥah* di dalam kategori ibadah ini, penulis telah memilih kes solat Jumaat polis dan tentera yang bertugas yang diputuskan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1985 sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran G*).

Solat fardhu lima waktu pada prinsipnya memiliki tempoh masa yang panjang dan tidak menimbulkan kesulitan bagi mereka yang ingin melaksanakannya termasuklah pihak polis mahupun tentera. Namun dalam kes yang tempoh perlaksanaannya terbatas seperti solat Jumaat pasti akan mengundang sedikit kesulitan terutamanya pihak polis ataupun tentera yang sedang bertugas.

Berdasarkan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dipikul oleh pihak polis mahupun tentera maka jelaslah bahawa tugas mereka adalah termasuk di dalam istilah uzur *syar'i*. Mengikut pengertian syarak uzur *syar'i* adalah seperti berikut:

- a) Keuzuran yang di luar kuasa seseorang untuk mengatasi seperti sakit, menghadapi hujan ribut atau taufan.
- b) Keuzuran yang bersabit dengan keluarga atau saudara yang sakit tenat yang tiada harapan akan hidup (nazak) yang perlu diziarahi.
- c) Keuzuran berkenaan dengan kemungkinan kerosakan bahan perusahaan yang ditinggalkan semasa menunaikan fardhu Jumaat.

Bersandarkan kepada kepentingan polis dan tentera terhadap keselamatan dan keamanan masyarakat mahupun negara, maka muzakarah majlis fatwa - Kebangsaan yang telah bersidang pada 22-23 Oktober 1985 memutuskan harus bagi polis dan tentera meninggalkan solat Jumaat kerana menganggap tugas-tugas keselamatan adalah uzur *syar'i* dengan syarat tidak ditinggalkan solat tersebut tiga kali berturut-turut.

#### **Ulasan Keputusan:**

Berdasarkan kepada ketetapan hukum yang telah diputuskan, bersandarkan kepada alasan-alasan yang menyokong ketetapan tersebut, maka penulis menggariskan ciri-ciri berikut sebagai ulasan:

- i. Masalah ini adalah masalah baru yang masih belum mempunyai fatwa rasmi mengenainya di Malaysia.

- ii. Masalah ini adalah keuzuran yang di luar kuasa seseorang untuk mengatasinya terutama sekali perlaksaan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya.
  
- iii. Tiada keterangan syarak yang jelas membincangkan mengenainya, sama ada dari *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-Ijmāk* dan juga *Qiyās*.
  
- iv. *Maṣlahah* yang diputuskan adalah pemeliharaan terhadap *darūriyyah* manusia terhadap realisasi harta.
  
- v. Tindakan ini mendatang *maṣlahah* kepada semua pihak

Kesimpulan di sini menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Muzakarah Fatwa adalah tepat dan berdasarkan kepada *maṣlahah mursalah*.

### **3.4.2 Kategori Perubatan**

Analisa terhadap kategori ini mendapati ada sebanyak tujuh kes telah dibincangkan di dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa dan setiap kes yang telah dibincangkan didapati menggunakan prinsip *Maṣlahah* dalam penentuan hukum.

**Jadual 3.5 : (Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Perubatan)**

Bil	Keputusan Mengikut Prinsip <i>Maṣlahah</i>	Hukum
1	Amalan guna alat Direct Current Shock	Harus

2	Penggunaan ubat penyakit jantung bagi pesakit yang berpuasa	Harus
3	Penggantian highly purified insulin dari babi	Harus
4	Ubat pelalian rubella	Harus
5	Imunisasi Hepatitis B menurut Islam	Harus
6	Pandangan Islam tentang imunisasi campak, tibi, batuk kokol, bipteria, tetanus dan polio	Harus
7	Gelatin dalam ubat	Harus

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Bagi membincangkan pengamalan *maṣlahah* di dalam kategori Perubatan ini, penulis telah memilih kes Penggantian *highly purified insulin* dari babi yang diputuskan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1983 sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran H*).

Dalam zaman sains dan teknologi yang serba maju ini, penemuan pelbagai jenis ubatan telah membantu meringankan beban penyakit yang ditanggung oleh pesakit termasuklah kencing manis. Penyakit kencing manis merupakan salah satu penyakit yang semakin meningkat di kalangan masyarakat yang memerlukan rawatan berterusan. Hasil dari kajian yang telah dilakukan maka penyakit ini dapat dikawal melalui penggunaan insulin.

Persoalan asas yang mendorong kepada perbincangannya di dalam muzakarah Jawatankuasa Fatwa ialah unsur asas penghasilan insulin itu sendiri

yang bertentangan dengan kehendak syarak. Berdasarkan kepada keterangan dari pakar kencing manis dari Hospital Besar Kuala Lumpur mengenai penggunaan insulin dalam rawatan pesakit-pesakit kencing manis bahawa rawatan ini adalah melalui suntikan insulin khusus "*Highly Purified Insulin*", yang diperolehi melalui tiga sumber iaitu:

- a) Sumber insulin daripada Lembu
- b) Sumber insulin daripada manusia
- c) Sumber insulin daripada babi

Namun melalui ketiga-tiga sumber di atas, didapati hanya insulin babi sahaja yang didapati lebih sesuai dan mujarab bagi mengubati pesakit yang mengidap kencing manis.

Muzakarah telah membahaskan persoalan ini dan berhujah berdasarkan kepada kaedah *fiqhiyyah* bahawa berubat dengan benda-benda yang asalnya najis tidak harus kecuali di dalam keadaan darurat dan hajat.

**Hasil Keputusan:** Hukum menyuntik insulin daripada najis *mughallazah* (babi) bagi tujuan perubataan pesakit kencing manis adalah harus kerana darurat. Begitu juga hukum bagi mereka yang menjalankan penyuntikannya.

## **Ulasan Keputusan:**

Berdasarkan kepada ketetapan hukum yang telah diputuskan, bersandarkan kepada alasan-alasan yang menyokong ketetapan tersebut, maka penulis menggariskan ciri-ciri berikut sebagai ulasan:

- i. Masalah ini adalah masalah baru yang masih belum mempunyai fatwa rasmi mengenainya di Malaysia.
- ii. Hukum *maṣlahah* yang diperolehi dapat mengurangkan penderitaan yang ditanggung oleh pesakit kencing manis .
- iii. Tiada keterangan nas syarak yang jelas membicarakannya, sama ada dari *al-Qur'ān*, *al-Sunnah*, *al-Ijmāk* dan juga *Qiyās*.
- iv. *Maṣlahah* yang diputuskan adalah pemeliharaan terhadap *darūriyyah* manusia terhadap realisasi nyawa.
- v. Penyuntikan insulin ini mendatang *maṣlahah* kepada masyarakat

Kesimpulan di sini menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Muzakarah Fatwa adalah tepat dan berasaskan kepada *maṣlahah mursalah*.

### 3.4.3 Kategori Perkahwinan

Berdasarkan kepada analisa terhadap kategori ini, penulis mendapati sejumlah tiga keputusan telah dikeluarkan bersandarkan kepada prinsip *maṣlahah*. Pada dasarnya ketiga persoalan yang telah dibahaskan sebenarnya telah sedia ditentukan hukumnya berdasarkan nas-nas syarak, namun timbulnya persoalan mengenainya ialah apabila tiba keperluan yang mendesak untuk dilakukan.

Kategori perkahwinan yang dimaksudkan ialah:

**Jadual 3.6 : ( Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Perkahwinan)**

Bil	Keputusan Mengikut Prinsip <i>Maṣlahah</i>	Hukum
1	Perancang Keluarga	Haram
2	Undang-undang poligami dan nikah cerai	Harus
3	Penyelarasian lafaz takliq	Harus

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Bagi membincangkan pengamalan *maṣlahah* di dalam kategori Perkahwinan ini, penulis telah memilih kes Perancang Keluarga yang telah dibincangkan sebanyak dua pusingan iaitu pada tahun 1973 dan tahun 1977 oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran I*).

Persoalan mengenai perancangan keluarga sebenarnya telah menjadi topik hangat yang sering dibahaskan di kalangan alim ulamak semenjak tahun 1968<sup>5</sup>.

<sup>5</sup> Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, *op.cit*, hlm. 85.

Hasil rumusan dari dua persidangan alim ulamak yang telah diadakan, maka pada 22 April 1970 Majlis raja-raja bersetuju agar perbincangannya dibawa ke dalam muzakarah fatwa kebangsaan.

Perbincangan telah menfokuskan kes perancangan keluarga ini kepada tiga bahagian iaitu:

- a) Menyusun keluarga
- b) Menentukan bilangan anak
- c) Memandulkan lelaki dan perempuan

Secara umumnya, para ulamak termasuk fatwa-fatwa negeri sepakat menyatakan bahawa perancangan keluarga adalah haram berdasarkan kepada beberapa firman Allah swt. dalam surah al-Isra' ayat 31, al-An'am ayat 140 dan begitu juga firman Allah swt. melalui surah al-Takwir ayat 8-9 yang jelas melarang perbuatan menentukan bilangan anak atau memandulkan suami atau isteri.

**Hasil Keputusan:** Dari persidangan Ulamak Malaysia kali ke lapan pada 22 November 1973 dan ke dua belas pada 20 Februari 1977 telah sepakat menyatakan bahawa perancangan keluarga melalui:

- a) Memandulkan lelaki atau perempuan adalah haram

- b) Mencegah beranak atau menghadkan bilangan anak hukumnya adalah haram melainkan dengan sebab-sebab yang diharuskan oleh syarak bagi orang-orang perseorangan
- c) Menyusun keluarga dari segi kesihatan, pelajaran dan kebahagiaan keluarga dengan cara yang lain daripada (a) dan (b) di atas adalah harus.

#### **Ulasan Keputusan:**

Berdasarkan kepada ketetapan hukum yang telah diputuskan, bersandarkan kepada alasan-alasan yang menyokong ketetapan tersebut, maka penulis menggariskan ciri-ciri berikut sebagai ulasan:

- i. Masalah ini adalah masalah baru yang masih belum mempunyai fatwa rasmi mengenainya di Malaysia.
- ii. Pengharaman ini adalah bertujuan menjamin pembiakan manusia yang secara tidak langsung memperkuatkan kedudukan umat Islam sama ada segi sosial maupun ekonomi dan terutama sekali ketika berhadapan dengan peperangan.
- iii. Meskipun tiada keterangan syarak secara langsung membincangkan mengenainya, tetapi larangan membunuh anak kerana takutkan kepapaan dan menafikan apa yang telah

dikurniakan Allah swt. adalah 'illah yang dapat menyokong pengharaman ini.

- iv. *Maslahah* yang diputuskan adalah pemeliharaan terhadap *daruriyyah* manusia terhadap realisasi keturunan.
- v. Tindakan ini mendarat *maslahah* kepada semua pihak

Kesimpulan di sini menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Muzakarah Fatwa adalah tepat dan berdasarkan kepada *maslahah mu'tabarah*.

#### **3.4.4 Kategori Sosial/Ehwal Semasa**

Berpandukan kepada Buku Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Muzakarah Semakan Fatwa Kebangsaan pertama pada 1 – 4 Jun 1999 yang dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, penulis mendapati bahawa kategori ini secara kuantitinya telah melalui prosedur *maslahah* sebagai sandaran kepada penentuan hukum. Kategori ini dapat dilihat berdasarkan jumlah kes yang telah dimuzakarahkan menunjukkan sejumlah 17 keputusan telah menggunakan prinsip tersebut berbanding 24 keputusan pada kategori di atas pada keseluruhannya.

17 keputusan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

**Jaduan 3.7 : ( Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Sosial/Ehwal Semasa)**

Bil	Keputusan Mengikut Prinsip <i>Maṣlahah</i>	Hukum
1	Tepung Tawar	Haram
2	Nasyid dan Pancaragam	Harus
3	Menghadkan Perkongsian Milik Tanah Pertanian	Harus
4	Hari Kenangan Rakan Seperjuangan Di Tugu Negara	Haram
5	Garis panduan bagi pengurusan jenazah bagi orang-orang bukan Islam di luar negeri	Haram
6	Pemindahan kubur perajurit	Harus
7	Penukaran nama daripada Islam kepada bukan Islam	Haram
8	Pameran khazanah dari kubur	Harus
9	Istiadat Pengkebumian negara	Haram
10	Berkabung kerana kemangkatan D.Y.M.M. Raja-raja, Sultan atau Yang Dipertuan Besar dan Perdana Menteri	Harus
11	Bayi Tabung Uji	Harus
12	Hukum bunuh ke atas pelaku kesalahan berkaitan senjata api	Harus
13	Penanaman buah-buahan di tanah perkuburan	Harus
14	Pengkebumian mayat dalam peti tertutup	Harus
15	Pemindahan mayat	Harus
16	Pemindahan kaedah penetapan hari raya aidil adha di	Harus

	Malaysia	
17	Penulisan ayat al-Qur'ān dengan huruf roman	Haram

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Bagi membincangkan pengamalan maṣlahah di dalam kategori Sosial/Ehwal Semasa ini, penulis telah memilih kes Pameran Khazanah Dari Kubur yang diputuskan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan pada tahun 1989 sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran J*).

Kes mengenai pameran ini bermula apabila Jabatan Muzium Malaysia bercadang untuk mengadakan pameran antarabangsa yang bertajuk *Khazanah Dari Kubur* pada tahun 1989. Penulis melihat bahawa perbahasan mengenai pameran itu lebih cenderung kepada makenisma yang dipamerkan terutamanya mayat keluarga Firaun dalam bentuk mumia. Ini kerana mayat manusia tak kira sama ada Islam atau bukan Islam adalah mulia dan perlu dihormati sepetimana firman Allah swt.:

..... وَلَقَدْ كَرِمْنَا بَنِي آدَمْ .....

Terjemahannya:

“Dan sesungguhnya telah Kami multiplikasi anak-anak Adam .. . . . .”

Surah al-Isra’ ( 17 ) : 70

Maka oleh itu sewajarnya tidak dijadikan bahan pameran. Sekiranya pameran bertujuan untuk melakukan penghayatan terhadap kenyataan *al-Qur'ān*

seperti kisah Firaun, seharusnya ada penjelasan yang lengkap disediakan supaya pengunjung-pengunjung benar-benar memahami matlamat sebenar pameran.

**Hasil Keputusan:** Hasil dari muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-23 yang telah bersidang pada 20 Februari 1989 sepakat untuk memutuskan bahawa:

- a) "Pameran Khazanah Dari Kubur" oleh Muzium Negara yang melibatkan pameran barang-barangan purba yang dijumpai di dalam kubur dan juga keranda mumia (bukan mayat mumia) boleh diteruskan
- b) Mayat mumia tidak harus dipamerkan sama ada Islam atau bukan Islam
- c) Pameran barang-barangan purba penemuan daripada kubur adalah harus asalkan ia tidak bercanggah dengan syariat Islam
- d) Pameran patung-patung adalah ditegah oleh Islam.

**Ulasan Keputusan:**

Berdasarkan kepada ketetapan hukum yang telah diputuskan, bersandarkan kepada alasan-alasan yang menyokong ketetapan tersebut, maka penulis menggariskan ciri-ciri berikut sebagai ulasan:

- i. Masalah ini adalah masalah baru yang masih belum mempunyai fatwa rasmi mengenainya di Malaysia.
- ii. Keharusannya mestilah berpandukan kepada garis panduan yang telah ditetapkan oleh syariat Islam..
- iii. Tiada keterangan syarak yang jelas membincangkan mengenainya, sama ada dari *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-Ijma'* dan juga *Qiyās*.
- iv. *Maṣlaḥah* yang diputuskan adalah pemeliharaan *tahsīniyyah* manusia sebagai penyempurnaan ketinggian dan kemuliaan *akhlāq*.
- v. Pameran Khazanah dari kubur ini mendatang *maṣlaḥah* kepada semua pihak

Kesimpulan di sini menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Muzakarah Fatwa adalah tepat dan berasaskan kepada *maṣlaḥah mursalah*.

### 3.4.5 Kategori Zakat

Prinsip *maṣlaḥah* pada kategori ini menampakkan jumlah yang rendah berbanding kategori yang lain. Dari 10 kes yang telah dibincangkan hanya 2 kes sahaja yang dikenal pasti bersandarkan kepada prinsip *maṣlaḥah*. Penulis merasakan bahawa pengurangan pengaruh *maṣlaḥah* dalam kategori ini kerana kes-kes yang

dibincangkan kebanyakannya mempunyai kiasan dan sandaran nas yang sama, umpamanya pembayaran zakat tabung haji, zakat KWSP, zakat ke atas wang simpan tanaman semula kelapa sawit, zakat koperasi, zakat ke atas mara, zakat syarikat, zakat korban, zakat gaji dan pendapatan profesional dan aqiqah ke atas ternakan rusa, yang masing-masing bersandarkan kepada nas yang sama.

#### **Jaduan 3.8 : ( Penggunaan *Maṣlaḥah* Dalam Zakat)**

Bil	Keputusan Mengikut Prinsip <i>Maṣlaḥah</i>	Hukum
1	Sistem Metrik Dalam Pembayaran Zakat	Harus
2	Penyeragaman Peraturan Pemungutan Zakat dan Fitrah	Harus

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Bagi membincangkan pengamalan maṣlahah di dalam kategori zakat ini, penulis telah memilih kes Sistem Metrik Dalam Urusan Zakat yang telah dibincangkan pada tahun 1981 oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran K*).

Sistem metrik ialah sistem unit antarabangsa yang telah dikuatkuasakan pada bulan Julai di bawah akta 71 Akta Timbang Dan Sukat 1972. Penggunaan sistem ini dalam urusan perniagaan semasa secara tak langsung akan melibatkan penggunanya dalam amalan pemakaian zakat oleh umat Islam.

Pada dasarnya syariat Islam tidak menghalang sesuatu pembaharuan asalkan pembaharuan yang diperkenalkan tidak melampaui batasan-batasan yang digariskan oleh syarak. Begitu juga dalam penggunaan sistem matrik, selagi ia

tidak mengurangi sukatan atau kadarnya yang telah ditetapkan oleh syarak dan tidak menjelaskan amalan penuaan zakat oleh umat Islam.

Perbincangan tertumpu kepada penukaran pada:

- i. Zakat fitrah bagi mereka yang hendak mengeluarkan zakat dengan beras
- ii. Sukatan nisab emas dan wang perniagaan
- iii. Zakat perak
- iv. Zakat padi

**Hasil Keputusan:** Muzakarah Jawatankuasa Fatwa kali pertama yang telah bersidang pada 28 - 29 Januari 1981 memutuskan bahawa

- i. Ukuran nisab jenis-jenis zakat kepada sistem metrik adalah harus
- ii. Sukatan nisab zakat padi ialah 363 gantang

**Ulasan Keputusan:**

Berdasarkan kepada ketetapan hukum yang telah diputuskan, bersandarkan kepada alasan-alasan yang menyokong ketetapan tersebut, maka penulis menggariskan ciri-ciri berikut sebagai ulasan:

- i. Masalah ini adalah masalah baru yang masih belum mempunyai fatwa rasmi mengenainya di Malaysia.
- ii. Pertukaran nisab jenis-jenis zakat pada sistem metrik adalah diharuskan selama tidak mengurangi sukatan atau kadar yang telah ditetapkan oleh syarak.
- iii. Tiada keterangan syarak yang jelas membincangkan mengenainya, sama ada dari *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-Ijma'* dan juga *Qiyās*.
- iv. *Maslahah* yang diputuskan adalah pemeliharaan *tahsīniyyah* manusia terhadap penyempurnaan tanggungjawab yang diwajibkan terhadap manusia.
- v. Perlaksanaannya mendatangkan *maslahah* kepada semua pihak

Kesimpulan di sini menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Muzakarah Fatwa adalah tepat dan berdasarkan kepada *maslahah mursalah*.

### **3.4.6 Kategori Ekonomi/Kewangan**

Dalam perbincangan mengenai kategori ini, menyaksikan beberapa kes yang telah dibawa ke dalam muzakarah Ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan dibahaskan. Melalui 14 penganalisaan terhadap kes-kes yang telah dibincangkan

oleh muzakarah Fatwa Kebangsaan mendapati hanya satu kes sahaja yang dikenal pasti menggunakan prinsip *maṣlahah* sebagai sandaran hukum iaitu mengenai persoalan wang faedah yang telah dimuzakarahkan pada 1 – 2 Oktober 1970.

Bagi membincangkan pengamalan *maṣlahah* di dalam kategori Ekonomi/Kewangan ini, penulis telah memilih kes Wang Faedah yang telah dibincangkan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran L*).

Kenyataan samada mahu atau tidak, orang Islam mesti terlibat dalam membangunkan ekonomi diri dan negara mereka. Mengabaikannya bermakna membiarkan diri tertinggal ke belakang, lemah dan mudah ditindas. Fenomena ini telah mengajak kepada satu perbincangan mengenainya sebagai sistem alternatif yang boleh dianggap sebagai jalan keluar kepada umat Islam.

Bersandarkan kepada *hadīth* yang telah dijadikan kaedah *uṣūl fiqh*;

لَا ضرر و لَا ضرار

Maksudnya:

“ Tidak boleh membahayakan diri sendiri atau pun membahayakan orang lain”

Begin juga dalam keadaan darurat kaedah *uṣūl fiqh* menyebut;

الضرورات تبيح المخظرات ، بشرط عدم نقصانها

Maksudnya:

“ Keperluan yang sangat membolehkan yang dilarang dengan syarat keperluan itu sendiri tidak kurang daripada yang dilarang”

Kenyataan melalui kaedah *uṣūl fiqh* di atas telah mendorong ahli muzakarah fatwa menganggap kedudukan wang faedah adalah tuntutan yang mendesak yang sukar bagi orang Islam untuk mengelaknya. Orang Melayu (Islam) akan hilang hak dan negerinya kerana ekonominya yang lemah, hingga membuka ruang kepada orang bukan Islam mengambil peluang untuk menindas umat Islam.

**Hasil Keputusan:** Hasil dari perbincangan muzakarah Jawatankuasa Fatwa yang telah bersidang pada 21 – 22 Januari 1971 memutuskan bahawa.

- i. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan yang dibuat oleh institusi Islam atau perniagaan atau badan kebajikan yang dianggotai oleh orang-orang Islam dalam mana-mana bank harus diterima oleh badan-badan itu atas alasan kecemasan ekonomi orang-orang Islam pada masa ini.
  
- ii. Faedah yang diperolehi daripada wang simpanan seseorang muslim dalam mana-mana bank harus diterima olehnya atas alasan kerana kecemasan itu juga, tetapi wang faedah itu hendaklah dimasukkan dalam *Bait al-Мäl* atau untuk *maṣlahah umum*.

## **Ulasan Keputusan:**

Berdasarkan kepada ketetapan hukum yang telah diputuskan, bersandarkan kepada alasan-alasan yang menyokong ketetapan tersebut, maka penulis menggariskan ciri-ciri berikut sebagai ulasan:

- i. Masalah ini adalah masalah baru yang masih belum mempunyai fatwa rasmi mengenainya di Malaysia.
- ii. *Maslahah* daripada pengambilan wang faedah ini adalah pasti kerana ia membantu umat Islam membangunkan ekonomi diri dan negara.
- iii. Keharusan mengambil wang faedah ini mestilah untuk kemaslahatan umum dan bukan untuk kemaslahatan individu.
- iv. *Maslahah* yang diputuskan adalah pemeliharaan terhadap *daruriyyah* manusia terhadap penyempurnaan kemaslahatan manusia.
- v. Pengambilan wang faedah ini mendatang *maslahah* kepada semua pihak

Kesimpulan di sini menunjukkan bahawa keputusan yang diambil oleh Muzakarah Fatwa adalah tepat dan berasaskan kepada *maṣlahah mursalah*

### 3.4.7 Kategori Pakaian

Berdasarkan buku Muzakarah Semakan Fatwa Kebangsaan (1) yang telah berlangsung pada 1 – 4 Jun 1999 di Hotel Seri Malaysia, Port Dickson<sup>6</sup> dan buku Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan<sup>7</sup>, penulis hanya menemui empat fatwa sahaja yang telah dikeluarkan dan daripada empat keputusan tersebut hanya dua keputusan sahaja yang disandarkan kepada prinsip maṣlahah. Manakala selebihnya berasaskan kepada nas dan pandangan ulamak madhhab.

#### Jaduan 3.9 : ( Penggunaan *Maṣlahah* Dalam Kategori Pakaian)

Bil	Keputusan Mengikut Prinsip <i>Maṣlahah</i>	Hukum
1	Projek Baju Tradisional Pakaian Anak-Anak Patung Permainan Kanak-Kanak	Harus
2	Pakaian Menutup Muka (Purdah)	Harus

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Kes yang dikaitkan dengan penggunaan prinsip *maṣlahah* ialah;

<sup>6</sup> Muzakarah Semakan Fatwa Kebangsaan (1), op.cit. 117 – 122.

<sup>7</sup> Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, op.cit, hlm.167.

Bagi membincangkan pengamalan *maṣlaḥah* di dalam kategori Pakaian ini, penulis telah memilih kes Projek Baju Tradisional Pakaian Anak-Anak Patung Permainan Kanak-Kanak yang telah dibincangkan pada tahun 1982 oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran M*).

Projek baju tradisional pakaian anak patung ialah projek karyaneka yang wujud hasil daripada Majlis Penasihat Kebangsaan mengenai integrasi wanita dalam pembangunan (NACIWID) kepada bank dunia bagi penubuhan sebuah pusat pemasaran kraftangan wanita yang dikelolakan oleh Bahagian Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Objektif asas projek ini ialah :

- a) Memperkenalkan pakaian kebangsaan Malaysia kepada orang-orang luar negeri
- b) Memberi peluang pekerjaan kepada penduduk luar bandar bagi menambah pendapatan keluarga mereka
- c) Penggunaan bahan-bahan terbuang dengan rekacipta terbaru

Karyaneka ini telah berusaha mengadakan latihan bagi mengembangkan projek ini, walau bagaimanapun persoalan yang menimbulkan tanda tanya adakah lembaga patung (plastik) permainan kanak-kanak boleh digunakan untuk memperagakan pakaian tradisional tersebut.

**Hasil Keputusan:** Hasil dari perbincangan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan kali ke-4 yang telah bersidang pada 13 – 14 April 1982 memutuskan bahawa;

Pengeluaran pakaian tradisional anak-anak patung permainan kanak-kanak ini patut diteruskan (harus), dengan syarat anak-anak patung itu kecil, tidak termasuk patung-patung yang besar.

### **3.5 PERKEMBANGAN SAINS TEKNOLOGI MODEN DAN PENGARUHNYA TERHADAP *MAŞLAHAH* BARU**

Secara umumnya, tidak dinafikan bahawa perkembangan sains teknologi moden banyak memberi pengaruh terhadap keputusan-keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia terutama sekali pada persoalan yang berkaitan dengan prinsip *maşlahah*.

Hasil dari tinjauan penulis melalui penelitian terhadap keputusan fatwa yang telah dikeluarkan semenjak tahun 1970 sehingga tahun 1990, mendapati sebanyak 13 fatwa telah dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan Malaysia adalah berasaskan kepada prinsip *maşlahah* yang dipengaruhi oleh perkembangan sains teknologi moden yang melibatkan pelbagai kategori iaitu:

**Jadual 3.10 : (Keputusan Muzakarah Terhadap Kes-Kes Berkaitan Perkembangan Sains Teknologi Moden )**

Bil	Keputusan Yang Telah Diputuskan	Keputusan	Maslahah
1	Derma darah orang Islam kepada bukan Islam	Harus	✓
2	Pemindahan Jantung	Harus	✓
3	Pemindahan Mata	Harus	✓
4	Bayi Tabung Uji	Harus	✓
5	Tukar Jantina	Haram	✗
6	Bank Air Mani	Haram	✗
7	Perkahwinan pelajar luar negara melalui telefon	Haram	✗
8	Alkohol	Haram	✗
9	Alkohol penstabil di dalam minuman ringan	Haram	✗
10	Rancangan keluarga	Harus	✓
11	Suntikan insulin	Harus	✓
12	Azan dengan mikrofon	Harus	✓
13	Penggunaan agen aktif sebagai penstabil makanan	Harus	✗
14	Kajian tumbesaran siput babi	Harus	✗
15	Penyembelihan menggunakan water stunner	Harus	✗
16	Penyembelihan lembu dengan menggunakan	Harus	✗

	electrical stunning		
17	Amalan Direct Current Shock	Harus	✓
18	Pil penyakit jantung bagi pesakit yang puasa	Harus	✓
19	Gelatin dalam ubat	Harus	✓
20	Imunisasi campak tibi	Harus	✓
21	Imunisasi hepatitis B	Harus	✓
22	Pelalian rubella	Harus	✓

Sumber: (Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan)

Keputusan-keputusan yang dikeluarkan oleh *muzakarah* ahli Majlis Fatwa Kebangsaan berkenaan isu-isu yang berkaitan dengan perkembangan sains moden lebih menekankan kepada keputusan asas ataupun ketetapan pokok dalam setiap kes. Ini bermakna, hukuman harus yang diputuskan akan berubah kepada haram sekiranya terdapat unsur-unsur haram atau sesuatu yang ditegah oleh syariat Islam. Seperti penggunaan agen aktif atau *emulsifire* dalam proses pembuatan makanan seperti roti. Pengambilannya adalah harus dengan syarat sumber-sumber agen aktif tersebut diperolehi daripada tanaman atau tumbuh-tumbuhan. Sekiranya agen tersebut diperolehi daripada haiwan, hendaklah ia dari haiwan yang halal dan disembelih menurut cara Islam.

Begitu juga bagi kes pelalian rubela atau imunisasi rubela yang pernah dibincangkan pada 12 September 1988. Apabila kaedah pemprosesannya

disiarkan di dalam akhbar Berita Harian bertarikh 16 April 1988<sup>8</sup>, maka *muzakarah* telah diadakan bagi meneliti isu tersebut berdasarkan rencana yang disiarkan dan mendapatkan penjelasan terperinci melalui doktor yang pakar mengenainya. Rencana yang menyebut bahawa vaksin rubela diproses dengan menggunakan buah pinggang anjing, janin itik dan buah pinggang arnab telah dibincangkan dan dijelaskan oleh pegawai perubatan dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Hasil dari perbincangan itu, ahli *muzakarah* Majlis Fatwa Kebangsaan memutuskan bahawa pengambilan vaksin rubela bagi mencegah komplikasi rubela dengan sekali suntikan pelali untuk seumur hidup bagi setiap wanita adalah harus dengan mengambil kira keterangan yang diberikan oleh pegawai perubatan tersebut, dan menganggap vaksin tersebut tidak najis kerana virus yang dihasilkan bukan merupakan virus asal dari janin manusia akan tetapi dibiakkan hasil dari beberapa proses di dalam makmal<sup>9</sup>.

### 3.7 RUMUSAN

Memandangkan bahawa fatwa resmi yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan adalah kecil bilangannya berbanding dengan fatwa yang berupa keputusan *muzakarah* ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sendiri. Maka penganalisaan yang akan dibuat adalah merangkumi kedua-dua bentuk fatwa tersebut, tanpa membezakan antara keduanya .

---

<sup>8</sup>Himpunan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, *op.cit*, hlm. 130.

<sup>9</sup>*Ibid*, hlm.132

Hasil dari tinjauan penulis, prinsip-prinsip *maṣlahah* yang telah digunakan di Malaysia sehingga satu-satu fatwa itu dikeluarkan dapat dipecahkan kepada beberapa pengamatan.

- i. Penghayatan dari segi penggunaan prinsip *maṣlahah* berpandukan kategori tertentu seperti penggunaan terhadap fizikal manusia dan haiwan, penggunaannya terhadap institusi perkahwinan, penggunaannya terhadap penggunaan dan aliran kewangan, penggunaannya terhadap sains perubatan dan sebagainya.
- ii. Pengamatan terhadap penggunaan prinsip *maṣlahah* berdasarkan kepada kesesuaianya setiap tahun
- iii. Pengamatan terhadap ketepatan dan kesesuaian penggunaan prinsip *maṣlahah* dalam setiap keputusan
- iv. Pengamatan terhadap penggunaan prinsip *maṣlahah* dalam kes-kes baru yang signifikan dengan perkembangan sains dan teknologi
- v. Pengamatan terhadap konflik prinsip-prinsip yang diketengahkan melalui penggunaan prinsip *maṣlahah* ini dengan prinsip *mu'āmalah* yang terdapat dalam Islam
- vi. Pengamatan terhadap penyelesaian melalui kaedah selain dari *maṣlahah*.

Secara umumnya, Majlis Muzakarah Fatwa dalam proses penentuan fatwa terhadap sesuatu isu, akan menempuh dua pendekatan ijтиhad iaitu:

**Pertama:** *Ijtihād tarjīh*, iaitu menghimpunkan beberapa pandangan ulama' muktabar yang bersangkutan dengan isu tertentu dengan mengambil kira kekuatan dan kesesuaiannya untuk diikuti. Pendekatan inilah yang dilihat lebih banyak diaplikasikan di dalam penentuan hukum.

**Kedua:** *Ijtihād fatwā*, iaitu mengistinbañkan hukum tentang sesuatu kes yang baru yang tidak pernah dibicarakan oleh ulama' fiqh terdahulu, seperti isu pemindahan organ manusia kepada manusia lain. Namun bentuk ini amat sedikit dilakukan<sup>10</sup>.

Kedudukan institusi fatwa sememangnya penting di dalam masyarakat Islam. Ini kerana, institusi ini diharapkan mampu menampilkan rumusan konsep, dasar-dasar ajaran Islam dalam segala bidang dan juga prinsip-prinsip, selain menampilkan hukum di dalam *fiqh al-ahkām al-'amaliyyah*. Dalam mengemukakan fatwa, meskipun *muftahid* dan *muftī* mengambil kira sesuatu yang memudahkan orang ramai untuk mengamalkan tuntutan agama namun ini tidak bermakna mereka boleh mengambil mudah dalam urusan fatwa sehingga membawa kepada berpegang dengan pendapat yang bercanggah dengan perkara syariat yang *qat'ī*, *uṣūl* atau asas serta prinsip umum syariat.

---

<sup>10</sup> Haji Awang Mat Ali, *op.cit*

Penganalisaan terhadap fatwa-fatwa yang telah dijalankan berhubung dengan pengamalan *maṣlaḥah* oleh Majlis Fatwa Kebangsaan umpamanya, merupakan usaha penulisan yang menyukarkan terutama sekali untuk memastikan sama ada keputusan yang dilakukan menepati atau tidak dengan prinsip *maṣlaḥah* yang digariskan oleh syarak, akibat beberapa faktor iaitu :

- a) Hasil keputusan yang didokumentasikan tidak mempunyai keterangan hujah ahli muzakarah secara terperinci.
- b) Hujah dan dalil kes lebih cenderung kepada pihak yang berkepentingan, sehingga seolah-olah tidak ada bangkangan terhadap kes.
- c) Keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan sering berubah apabila berada diperingkat negeri .

Sebagai contohnya, Pemindahan Organ Manusia Kepada Manusia Yang Lain (*Lihat lampiran D*). Muzakarah telah bersidang sebanyak beberapa pusingan iaitu pada 1-2 Oktober 1970, pada 23-24 Jun 1970 dan muzakarah kali keenam pada 22 Februari 1973, begitu juga pada muzakarah semakannya pada 1-4 Jun 1999<sup>11</sup>, pendokumentasiannya masih gagal untuk melakukan keterangan terperinci mengenainya, dan juga masih berpihak kepada hujah yang sama tanpa ada sebarang bantahan. Berhubung dengan pemindahan organ ini, masyarakat sedia maklum bahawa di sana ada pandangan yang menyokong dan ada yang menentang, dan masing-masing didasari oleh beberapa hujah yang kuat.

---

<sup>11</sup>Muzakarah Semakan Fatwa Kebangsaan (1), *op.cit*, hlm. 96.

Menurut pandangan Ibn al-Nafīs umpamanya,

“ Sesungguhnya kami menghalang pembedahan (kepada mayat) tersebut kerana ia adalah sesuatu yang bertentangan dengan syarak dan tindakan itu juga tidak mempunyai unsur-unsur simpati serta tidak pula mendatangkan rahmat ”<sup>12</sup>

Pandangan di atas bukan menafikan maṣlahah kepada manusia, akan tetapi cenderung kepada tanggungjawab terhadap amanah Allah s.w.t., serta memastikan perlaksanaannya terhadap amanah tidak diabaikan. Adakah apabila pemindahan ini berlaku, mampukan kita sebagai manusia menjamin amanah yang dulunya kita pikul, juga dipelihara dengan baik oleh penerima anggota yang lain. Adakah tuntutan menyelamatkan nyawa lebih utama dari menjaga amanah agama. Maka dari itu harus diingat bahawa kemaslahatan yang dimaksudkan dalam Islam itu ialah kemaslahataan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat sepertimana kata al-Syātibī :

“ Pembentukan syariat-syariat atau hukum-hukum semata-mata dimaksudkan untuk kemaslahatan hamba di dunia dan di akhirat sekaligus”<sup>13</sup>.

Begini juga dalam kes yang telah dibahaskan pada 3-4 Februari 1986 iaitu persoalan mati syahid umpamanya, penulis merasakan kes seperti ini perlu mendapat perhatian yang serius ataupun dilakukan penyiasatan oleh tribunal khas yang berkecuali dari masa ke semasa di atas beberapa sandaran;

- a) Keterangan diperolehi dari sebelah pihak iaitu pihak yang menyerang (polis) sahaja.

---

<sup>12</sup> Ahmad Ṭāhā (1986M), *al-Tib al-Islāmi*, Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 47.

<sup>13</sup> Abū Ishaq al-Syātibī (1399H/1979M), *al-Muwāfaqāt*, Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, cet. 1, jld. 1, hlm. 3.

- b) Adakah gerakan yang dipimpin oleh Ibrahim Mahmood membawa motif jahat atau sekadar aktiviti pengajian agama
- c) Mengapa keputusan yang telah diputuskan oleh majlis fatwa sering dipersoalkan
- d) Mengapa laporan polis tidak menjelaskan secara terperinci mengenai penjenayah yang dilindungi serta senjata yang dimiliki yang dianggap merbahaya

Begitu juga usaha menguatkuasakan fatwa, penulis juga merasa perlu diwujudkan badan khas yang berfungsi memastikan setiap fatwa yang diputuskan, dilaksanakan serta merta, supaya badan fatwa tidak hilang kredibilitinya. Umpamanya dalam persoalan insurans yang telah jelas larangannya kerana mempunyai unsur *gharar* dan begitu juga perancang keluarga secara am tanpa sebab yang telah diluluskan oleh syarak adalah haram, namun masih tetap berleluasa.